

Malaysia rakam ucapan takziah kemangkatan Ratu Elizabeth II

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - September 9, 2022 @ 9:59am

yusri.muzamir@bh.com.my



Foto Facebook Saifuffin Abdullah

KUALA LUMPUR: Kerajaan Malaysia menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga monarki Britain susulan kemangkatan Ratu Elizabeth II, semalam.

Menerusi entri ringkas di Facebook, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah, turut merakamkan takziah kepada seluruh kerajaan dan rakyat United Kingdom susulan pemergian baginda.

"Malaysia mengucapkan takziah kepada keluarga raja, rakyat dan kerajaan United Kingdom susulan kemangkatan Queen Elizabeth II.

"Baginda adalah tokoh yang unggul, selain memimpin dengan penuh dedikasi melalui pemerintahan sepanjang hayat kepada rakyat UK dan Komanwel," katanya di sini, hari ini.

Ratu Elizabeth II, muncul pemerintah paling lama bertakhta dalam sejarah negara itu, dilaporkan mangkat pada usia 96 tahun.

Istana Buckingham, dalam satu kenyataan ringkas, memaklumkan kemangkatan baginda sekali gus menandakan tempoh berkabung selama 10 hari bermula, ketika seluruh dunia mengucapkan takziah dan mengimbau kembali kegemilangan pemerintahan baginda.

Kenyataan itu menjelaskan, Ratu Elizabeth mangkat dalam keadaan tenang di Istana Balmoral (Scotland) tengah hari tadi (semalam) selepas 70 tahun bertakhta.

Putera tertua dalam kalangan empat anak baginda, Putera Charles, 73, secara langsung menaiki takhta sebagai Raja, dan melakar sejarah sebagai pewaris takhta tertua dalam sejarah Britain.

Terdahulu, anggota kerabat diraja bergegas untuk berada di sisi Ratu Elizabeth selepas pasukan perubatan bimbang keadaan kesihatan ratu berusia 96 tahun yang dinasihatkan kekal di bawah pemantauan perubatan.

Kemangkatan baginda diumumkan sejurus selepas pihak istana semalam mengesahkan baginda gering dan doktor amat bimbang terhadap kesihatannya.

Semua anak baginda, Charles, Puteri Anne, 72, Putera Andrew, 62, dan Putera Edward, 58, berkumpul di Istana Balmoral di tanah tinggi Scotland.

Menyertai kerabat diraja itu ialah anak Charles, Putera Prince William, dan adiknya Putera Harry.

Ratu Elizabeth, dua hari lalu, menyaksikan upacara angkat sumpah Perdana Menteri baharu Britain, Liz Truss, sebagai Perdana Menteri ke-15 di bawah pemerintahan baginda dan dilihat lemah serta bertongkat, namun masih tersenyum ketika bergambar.

Baginda menaiki takhta pada 8 Februari 1952 pada usia 25 tahun selepas kemangkatan bapanya, Raja George VI, pada 6 Februari 1952.

Baginda mewarisi takhta UK seurus selepas Perang Dunia Kedua, menyertai pentas dunia yang dikuasai tokoh politik seperti Mao Zedong dari China sehingga pemimpin Kesatuan Soviet, Joseph Stalin dan Presiden Amerika Syarikat, Dwight D Eisenhower.

Sepanjang 70 tahun, baginda bertakhta merentasi dua abad yang penuh pergolakan sosial, politik dan teknologi.

Baginda menyaksikan keruntuhan empayar British yang tersebar luas hampir ke seluruh dunia selain menyaksikan krisis Brexit dan pelbagai skandal membabitkan keluarga diraja menggugat asas kerajaan baginda.

Namun, sepanjang pemerintahan, Ratu Elizabeth kekal sebagai Ratu yang popular dan bukan saja bertakhta di United Kingdom tetapi turut diiktiraf 14 bekas tanah jajahan British termasuk Australia, Kanada dan New Zealand.

Baginda juga adalah ketua kumpulan 56 negara Komanwel yang merangkumi hampir suku daripada penduduk dunia selain diiktiraf pemerintah agung Gereja England iaitu gereja induk bagi golongan penganut Anglikan di seluruh dunia.